**SIARAN MEDIA**

**Sabtu, 21 Jun 2025**

# BINA DARULAMAN BERHAD JALIN KERJASAMA DENGAN BYTEDANCE MULAKAN INISIATIF PEMULIHARAAN HUTAN DI BAWAH PROGRAM FCC

**LANGKAWI –** Bina Darulaman Berhad (BDB), dengan kerjasama Bytedance System Sdn. Bhd. (TikTok Malaysia) telah melancarkan satu inisiatif pemuliharaan hutan dan biodiversiti di bawah Program Sijil Pemuliharaan Hutan (FCC) dengan penanaman 300 anak pokok di Darulaman Sanctuary, Lubuk Semilang, Langkawi.

Menurut Pengarah Eksekutif Kumpulan BDB, Raja Shahreen Raja Othman, inisiatif tersebut merupakan satu langkah signifikan dalam usaha pemuliharaan alam semula jadi oleh sektor korporat. ByteDance telah menyumbang dana sebanyak RM176,380.00 bagi menyokong projek penghutanan semula dan pemulihan ekosistem, menerusi komitmen selama dua tahun bermula 2025 dan 2026.

"BDB komited sepenuhnya untuk memenuhi keperluan Protokol FCC, di mana penanaman pokok merupakan salah satu komponen teras. Sebagai syarikat infrastruktur pilihan di Wilayah Utara Malaysia, kami percaya bahawa pembangunan dan pemuliharaan alam semula jadi harus bergerak seiring dan seimbang," katanya.

"Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan kami terhadap konservasi hutan dan pengurusan alam sekitar secara lestari. Usaha ini dijangka memberi impak jangka panjang yang positif, bukan sahaja kepada ekosistem tempatan, malah turut menyumbang kepada kesejahteraan alam semulajadi global serta menyokong agenda kelestarian negara," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Majlis penanaman pokok berkenaan turut disertai lebih 120 sukarelawan yang terdiri daripada komuniti setempat, pelajar sekolah, belia, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO), dan agensi-agensi kerajaan.

Majlis Penanaman Pokok tersebut diketuai oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan BDB, Mohd Nasir Ismail dan Pengarah, BDB Greentech Sdn. Bhd., Azlan Jamil serta dibantu oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah yang bertindak sebagai rakan kongsi teknikal.

Sebanyak 300 anak pokok daripada sembilan spesies hutan tropika telah ditanam, termasuk Merbau (Intsia palembanica), Merawan (Hopea odorata), Kelat Paya (Syzygium spp.), Resak (Vatica spp.), Penaga (Calophyllum inophyllum), Keriang Dot (Ficus hispida), Sentul (Sandoricum fraiss), dan Buah Koetjaperist.

Untuk rekod, BDB merupakan organisasi pertama di Malaysia yang diiktiraf dan didaftarkan di bawah program FCC yang dibangunkan oleh Malaysia Forest Fund, sebuah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam.

Dalam memperkukuh inisiatif ini, Raja Shahreen turut memaklumkan bahawa BDB merancang membangunkan tarikan berkonsepkan ekopelancongan pendidikan di Darulaman Sanctuary sebagai sebahagian usaha jangka panjang pemeliharaan hutan di kawasan berkenaan.

Tambah beliau, antara perancangan tersebut ialah pembinaan *'Canopy Walk'* sepanjang 205 meter, yang bakal dibangunkan dalam dua fasa, dengan fasa pertama dijangka siap sepenuhnya pada suku keempat 2025. *'Canopy Walk'* berkenaan dijangka akan menjadi tarikan kepada pencinta alam sekitar dan penderma, seterusnya menyokong aktiviti pemuliharaan hutan secara berterusan.

"Selain itu, kawasan khas untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan turut akan dibangunkan bagi memberi ruang kepada pelajar serta penyelidik menjalankan kajian berkaitan biodiversiti unik yang terdapat di Darulaman Sanctuary. BDB juga telah memulakan perbincangan dengan beberapa universiti awam bagi mendapatkan sokongan dan kerjasama mereka dalam menjayakan inisiatif ini.

"Inisiatif-inisiatif ini mencerminkan visi BDB sebagai pemaju bertanggungjawab, yang mengintegrasikan pertumbuhan ekonomi dengan pemuliharaan alam semula jadi. Justeru, kami menyeru lebih ramai pihak untuk turut serta dalam usaha melindungi hutan di Malaysia serta menyokong pendekatan pembangunan yang lebih holistik dan lestari," jelas beliau.

Sementara itu, dalam ucapannya, Encik Azlan Jamil menekankan bahawa setiap usaha dan pokok yang ditanam pada hari ini adalah demi manfaat masa depan.

"Apa yang dilaksanakan hari ini bukan untuk kepentingan kita semua, tetapi untuk kepentingan generasi akan datang," ujar beliau.

## **LATAR BELAKANG BINA DARULAMAN BERHAD**

Bina Darulaman Berhad (BDB) telah ditubuhkan pada 7 Februari 1995 dan telah disenaraikan di Bursa Malaysia. BDB merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang bertanggungjawab dalam pembangunan hartanah, pembinaan, kerja-kerja jalan, kuari, rekreasi dan tenaga boleh diperbaharui melalui anak-anak syarikatnya iaitu BDB Land Sdn. Bhd., Kedah Holdings Sdn. Bhd., BDB Synergy Sdn. Bhd., BDB Infra Sdn. Bhd., BDB Leisure Sdn. Bhd. dan BDB Energy Sdn. Bhd.

Untuk maklumat lanjut, boleh menghubungi:


I. Fadzli Ramlan

Tel: +6017 2088609

Emel: fadzli.ramlan@bdb.com.my

Group Corporate Communications

II. Ikhwan Hazwan Hamidun

Tel: +6019 5517225

Emel: ikhwan@bdb.com.my

Group Corporate Communications